



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**SYARIKAT - SYARIKAT DIDENDA KERANA
KEGAGALAN MENGHADAPKAN PENYATA-PENYATA CUKAI PENDAPATAN**

Tarikh: 29hb Julai 2021

1. Pada bulan Mei dan Jun 2021, tiga syarikat tempatan telah diarahkan untuk membayar denda setelah wakil syarikat-syarikat tersebut mengaku bersalah di Mahkamah Majistret kerana gagal mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35).
2. Pada bulan Mei 2021, Bengkel Kereta Berakas Sdn Bhd telah dikenakan denda sebanyak BND 5,000 kerana gagal menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018.
3. Seterusnya, pada bulan Jun 2021, Aqil Shafiee Sdn Bhd telah dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal menghadapkan Penyata-Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31hb Disember 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018. Sementara itu, ESuria Mentari Systems Sdn Bhd juga telah dikenakan denda sebanyak BND 3,600 kerana gagal menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31hb Disember 2015, 2016 dan 2017.
4. Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita ingin mengingatkan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan masing-masing selewat-lewatnya pada 30 Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan. Kegagalan untuk menghadapkannya adalah satu kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35 yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda sebanyak BND 10,000 dan jika gagal membayar akan dipenjarakan selama 12 bulan.

Bahagian Hasil
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam



**PRESS RELEASE
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**LOCAL COMPANIES FINED
FOR FAILURE TO SUBMIT INCOME TAX RETURNS**

Date: 29th July 2021

1. Within the months of May and June 2021, three local companies were ordered to settle fines after their representatives pleaded guilty at the Magistrate's Court to failing to comply with Section 52(1) of Income Tax Act (Section 35).
2. In the month of May 2021, Bengkel Kereta Berakas Sdn Bhd was fined a sum of BND 5,000 for having failed to file Income Tax Returns for the Financial Years ending on 31st December 2014, 2015, 2016, 2017 and 2018.
3. Following that, in the month of June 2021, Aqil Shafiee Sdn Bhd was fined a sum of BND 5,000 for having failed to file Income Tax Returns for the Financial Years ending 31st December 2014, 2015, 2016, 2017 and 2018. Meanwhile, ESuria Mentari Systems Sdn Bhd was fined a sum of BND 3,600 for having failed to file Income Tax Returns for the Financial Years ending on 31st December 2015, 2016 and 2017.
4. The Revenue Division, Ministry of Finance and Economy would like to remind companies registered under the Companies Act, Cap. 39 to submit their Income Tax Returns by 30th June of the relevant Year of Assessment. Failure to submit is an offence under the Income Tax Act, Cap.35, which, upon conviction, is liable to a fine of BND 10,000 and in default of payment to imprisonment for 12 months.

Revenue Division
Ministry of Finance and Economy
Negara Brunei Darussalam